

2 penuntut UiTM lemas

B.M 12/11/06

KUALA BERANG: Kegembiraan 12 pelajar lelaki Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Dungun berkelah di kawasan Air Terjun Belukar Bukit dekat sini, berakhir tragedi apabila dua daripada mereka lemas, jam 2.15 petang semalam.

Mangsa, Mohd Hafiz Shafie, 18, dari Cabang Tiga, Pengkalan Chepa, Kelantan dan Mohd Syamil Rosli, 18, dari Kemaman. Mereka adalah pelajar tahun pertama jurusan Diploma Elektrik dan baru mendaftar masuk Julai lalu.

Mayat mangsa ditemui berdekatan antara satu sama lain di dasar sungai kira-kira 10 meter dari tempat mereka dilaporkan lemas jam 4.45 petang oleh penduduk kampung yang melancarkan gerakan mencari dan menyelamat.

Seorang pelajar lagi, Aqwa Othman, 18, dari Besut yang nyaris lemas dapat diselamatkan penduduk kampung dan kini dirawat di Hospital Hulu Terengganu (HHT).

Rakan mangsa, Ahmad Syamil Zaki, 18, dari Bukit Payong, berkata kejadian berlaku ketika Mohd Hafiz bersama Mohd Syamil dan Aqwa bergurau di kawasan air cetek sebelum tiba-tiba

ketiga-tiga rakan itu terjatuh dan dihanyutkan arus deras.

Katanya, dia dapat melihat dengan jelas kejadian itu kerana berlaku tidak jauh daripada tempat dia bersama rakan yang lain mandi.

Beliau berkata, beberapa penduduk kampung, katanya yang berada di kawasan itu terus membantu menyelamatkan rakannya tetapi hanya berjaya menarik Aqwa dan dihantar ke hospital.

"Saya dan 11 lagi rakan tiba di kawasan perkelahan jam 11 pagi dan kejadian itu berlaku terlalu pantas.

"Kami dan penduduk kampung berusaha mencari Mohd Hafiz dan Mohd Syamil, tetapi gagal sehinggalah seorang penduduk kampung bersama beberapa rakannya menemui dua rakan kami di dasar sungai," katanya ketika ditemui di pekarangan HHT.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Hulu Terengganu, Deputy Superintendan Kamaruddin Mohd Zakaria ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan.

Beliau berkata, mayat kedua mangsa dibawa ke HHT untuk pemeriksaan lanjut.



Mohd Hafiz Shafie



Mohd Syamil Rosli